

05 SEP 1996
Abdullah-Malawi
MALAYSIA BANTU SISTEM PENGANGKUTAN MALAWI

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Malaysia akan membantu Malawi meningkatkan sistem pengangkutannya bagi memudahkan aliran barangan dagangan kedua-dua negara, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan cadangan itu kepada Presiden Dr Bakili Muluzi berikutan kedudukan negara berkenaan yang dikelilingi daratan, yang menyukarkan perhubungan dan perdagangan.

"Perdagangan dengan Malawi kini terpaksa melalui negara lain berikutan ketiadaan sistem penerbangan terus ke negara itu," katanya.

Abdullah berkata demikian pada persidangan berita mengenai pertemuan Dr Muluzi dan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Dalam pertemuan lebih dua jam itu, kedua-dua pemimpin turut menyaksikan dua perjanjian yang ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan dan Industri Malawi Chakakala Chadziya.

Menurut Abdullah, melalui Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan antara Malaysia dan Malawi, kedua-dua negara akan bekerjasama dalam beberapa bidang seperti pengangkutan, telekomunikasi, pertanian, pelancongan dan penyiaran.

Katanya, kerjasama dalam bidang pengangkutan yang dirancang bagi republik itu termasuk meningkatkan sistem pengangkutan darat dan udara.

"Kini terpulanglah kepada syarikat penerbangan dan pihak yang berkenaan untuk membuat kajian kesesuaian cadangan itu," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia turut menawarkan kemudahan latihan kepada rakyat Malawi dalam bidang yang sesuai dengan keperluan pembangunan negara itu.

Katanya, ini termasuk kemudahan lawatan ke Malaysia bagi mereka mengenali lebih dekat tentang negara ini kerana Malawi memang berhasrat untuk mengkaji Malaysia dan menjadikannya contoh pembangunan baginya.

Dalam bidang penyiaran, Abdullah berkata, Malaysia dan Malawi akan mengadakan pertukaran filem bagi menggalakkan rakyat kedua-dua negara mengenali satu sama lain dengan lebih dekat.

Mengenai kerjasama bidang telekomunikasi, beliau berkata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie telah membuat lawatan ke negara itu untuk perbincangan awal mengenainya.

Pada tahun lepas, Telekom Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Malawi Post and Telecommunication Corporation untuk melaksanakan perkhidmatan am komunikasi, telefon selular dan rangkaian data, katanya.

Abdullah berkata, hubungan dagangan Malaysia dan Malawi kini adalah kecil, berjumlah RM1.87 juta pada tahun lepas.

Eksport Malaysia ke negara itu pada tahun lepas termasuk bahan percetakan, alkohol, pakaian dan mesin pemprosesan data automatik yang bernilai RM1.33 juta manakala import barangan dari Malawi bernilai hanya RM500,000.

Abdullah berkata, Malaysia mengimport sayur-sayuran, minyak bijirin dan buah-buahan dari Malawi.

Perjanjian Perdagangan yang ditandatangani akan menggalakkan perkembangan hubungan perdagangan dua hala manakala Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan bertujuan mewujudkan syarat-syarat pelaburan yang baik, katanya.

Dengan perjanjian hari ini, Malaysia telah menandatangani sebanyak 45 Perjanjian Perdagangan dan 49 Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan dengan negara-negara asing. -- BERNAMA

RAZ NMO